

BAB 1

PENGENALAN

I

Soal modernisasi telah muncul sebagai pokok persoalan kemandirian bangsa yang paling merunsingkan orang China sepanjang kurun kedua puluh. Semenjak pertengahan kurun kesembilan belas, keazaman untuk mendapatkan satu formula modernisasi yang mampu mengangkat martabat orang China agar duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan kemajuan yang dicapai oleh dunia Barat telah menjadi aspirasi para intelektual China. Lantaran itu, lembaran sejarah China moden telah memaparkan silih gantinya satu zaman perubahan yang bergolak hebat dalam suatu tempoh masa yang amat singkat.

Dalam tempoh peralihan tersebut, perubahan di China dapat ditinjau dari pelbagai aspek, dengan pelbagai tujuan dan matlamatnya. Perkembangan sejarah China moden telah melalui beberapa peringkat yang mempamerkan pergerakan zaman bermula dari penolakan terhadap Barat dalam era Perang Candu hingga ke Gerakan Menguatkan Diri yang cuba mengimport teknologi Barat. Ini diikuti oleh reformasi politik dan revolusi, kemudiannya disusuli oleh revolusi intelektual dari sudut kebudayaan, dan akhirnya kemunculan Komunisme China. Satu spektrum perubahan yang terbentang luas di mata dunia dengan merentasi pertengahan kurun kesembilan belas hingga pertengahan kurun kedua puluh ke atas populasi penduduk yang paling ramai di atas bumi itu.

Proses modernisasi ini merupakan satu siri gerakan pembaharuan yang cuba menggerakkan China dari zaman tradisional ke zaman moden, dengan adanya rangsangan dan cabaran peradaban Barat sebagai pemangkinnya. Justeru itu, huraian secara perbandingan yang berlandaskan pertentangan antara Timur dan Barat, atau percanggahan antara tradisional

dan moden, sering diaplikasi untuk memperjelaskan masalah-masalah utama dalam sejarah China sepanjang kurun keduapuluh.

Walau bagaimanapun, perkembangan tersebut tidak wajar dipermudahkan dengan alasan rangsangan daripada pengaruh Barat sahaja. Sejarah China moden dalam kurun keduapuluh yang telah mengharungi Perang Dunia Pertama dan Kedua, serta perang-perang yang tidak terhitung jumlahnya di atas bumi benua yang luas itu, tidak boleh disifatkan sebagai respons pasif terhadap Barat, tetapi satu perjuangan aktif daripada penduduk China dalam menghadapi cabaran asing dan domestik untuk menjana semula kekuatan bangsanya dan mentransformasikan nusa mereka kepada satu negara-bangsa yang moden. Pandangan sedemikian menegah kemudaratan “sebab-musabab asing” dalam interpretasi sejarah China dan implikasi-implikasinya yang kononnya China hanya “memberikan reaksi” semata-mata.¹

Perlu juga diberi perhatian bahawa, pemodenan di China tidak boleh dipisahkan daripada rupa asalnya yang tradisional. Sebaliknya sejarah modenisasi China perlu dimudiki asalannya agar mendapat gambaran yang jelas menunjukkan kesinambungan dari zaman tradisional ke zaman moden yang sememangnya sentiasa wujud. Justeru itu, gerakan-gerakan yang dicetuskan sepanjang pertengahan kurun kesembilanbelas hingga kurun keduapuluh perlu ditinjau menerusi satu perspektif atau struktur yang menyeluruh sebagai sebahagian daripada proses modenisasi China. Sementara itu, transformasi yang berlaku dalam proses modenisasi China pula harus ditempatkan di dalam suatu struktur global yang melihat modenisasi China sebagai sebahagian daripada gerakan modenisasi dunia.

Proses modenisasi China turut dilihat sebagai satu proses pembelajaran dalam aspek sosial dan budaya China. Peradaban Barat telah dijadikan rujukan dan teladan yang utama.²

Menurut pandangan pengkaji soal modenisasi negara China yang terkenal, Ambrose Yao Chi

¹ Immanuel C. Y. Hsu, *The Rise of Modern China* (New York: Oxford University Press, 2000), hlm 13.

² Fairbank dan Reischauer telah menjelaskan pengaruh Barat dan reaksi China dalam huraian yang panjang. Sila rujuk John King Fairbank & Edwin O. Reischauer, *China: Tradition & Transformation* (Sydney: Allen & Unwin, 1990); khususnya bab kesebelas dan keduabelas: hlm 307-390.

King (Jin Yaoji) bahawa, proses modenisasi China boleh ditinjau menerusi pencetusan lima gerakan yang utama. Pertama, Gerakan Pembaharuan Perusahaan ala Barat yang mula diikhtiarakan oleh Zeng Guofan dan Li Hongzhang mulai era enampuluhan dalam kurun kesembilanbelas. Kedua, Gerakan Reformasi Seratus Hari yang dipimpin oleh Kang Youwei dan Liang Qichao pada penghujung kurun kesembilanbelas. Ketiga, Gerakan Revolusi 1911 yang diketuai Sun Yat-sen (Sun Zhongshan). Keempat, Gerakan Kebudayaan Baru (atau lebih dikenali sebagai Gerakan Empat Mei) yang dipimpin oleh Chen Duxiu dan Hu Shi. Gerakan modenisasi China yang kelima merupakan gerakan revolusi sosial dan budaya yang dijalankan oleh Parti Komunis China (PKC).³

Jikalau ditinjau dari sudut peringkat modenisasi pula, proses modenisasi China telah melalui tiga peringkat atau tahap transformasi, iaitu yang pertama, tahap teknikal; yang kedua, tahap keinstitusian; dan yang ketiga, tahap pemikiran dan perlakuan atau tahap *beharioval*.⁴ Gerakan Pembaharuan Perusahaan ala Barat yang membawa kepada pemodenan ekonomi merupakan suatu tahap transformasi dari segi teknikal. Usaha pembaharuan dari Gerakan Reformasi Seratus Hari 1898 sehingga pencetusan Revolusi 1911 pula merupakan tahap transformasi keinstitusian. Sementara Gerakan Kebudayaan Baru yang mempromosikan idea-idea Barat seperti demokrasi dan sains merupakan modenisasi tahap pemikiran dan perlakuan. Ketiga-tiga tahap transformasi tersebut, walau bagaimanapun tidak dapat diasingkan atau dipisahkan dengan jelas, disebabkan ketiga-tiganya adalah saling mempengaruhi.

Pencetusan siri gerakan modenisasi tersebut memperlihatkan rangsangan kuasa luaran sebagai enzim pemangkin yang telah meruntuhkan pegangan tradisional China. Orang China, khususnya golongan intelektual telah menghadapi krisis identiti yang tidak pernah muncul sepanjang perkembangan sejarah China, sehingga kekalahan dalam Perang Sino-Jepun

³ Ambrose Yao Chi King (Jin Yaoji), *Zhongguo Xiandaihua yu Zhishi Fenzi* (Modenisasi China dan Intelektual) (Taipei: Shibao Wenhua, 1991), hlm 36-40.

⁴ Ambrose Yao Chi King, *Cong Chuantong dao Xiandai* (Dari Tradisional ke Moden) (Taipei: Shibao Wenhua, 1994), hlm 161-167.

1894-1895. Masyarakat China yang memegang identitas ideologi yang berorientasikan Konfusianisme telah menghadapi tamparan yang hebat setelah berhadapan dengan kebudayaan Barat secara langsung. Justeru itu, gerakan modernisasi dilancarkan dengan tujuan untuk mendapatkan identitas yang baru. Dalam usaha pencarian identitas yang baru, perubahan demi perubahan yang drastik telah mengambil tempat dalam gelanggang perlumbaan modernisasi China. Para intelektual yang merupakan golongan elit dalam masyarakat China telah menampilkan diri satu demi satu sebagai pengemudi dalam gerakan modernisasi yang sarat dengan pelbagai perubahan dan cabaran yang baru, untuk menetapkan identitas baru bangsa China di arena antarabangsa. Dalam perkembangan tersebut, suatu proses akulturasi berlaku di dalam pertembungan kedua-dua budaya Timur dan Barat. Dalam proses akulturasi itu pula, munculnya “orang marginal” atau “orang peralihan” dalam konteks budaya: “orang marginal” merentasi kedua-dua belah budaya Timur dan Barat, sementara “orang peralihan” pula merentasi kedua-dua belah tradisional dan moden. Sebagai seorang intelektual China moden, seseorang itu sering kali menjadi adunan dan sebatian di antara “orang marginal” dan “orang peralihan”.⁵

Intelektual China dalam proses modernisasi tersebut telah menunjukkan minat yang hangat terhadap budaya Barat di satu samping, tetapi di samping yang lain turut mempunyai minat yang mendalam terhadap budaya China. Mereka mengidam-idamkan pencapaian yang menggalakkan dalam modernisasi, tetapi juga sentiasa memiliki pegangan yang kuat terhadap tradisi bangsanya. Keadaan tersebut telah mencetuskan suatu krisis identitas dan menjadikan seseorang itu “orang marginal” atau “orang peralihan”. Imej sendiri bagi golongan intelektual tersebut adalah tidak stabil dan kabur. Dalam kebuntuan tersebut, mereka menghadapi dilema dalam pembentukan identitas sendiri. Maka, ada di kalangan mereka yang berikhtiar untuk mencapai suatu bentuk “sintesis”, iaitu cubaan untuk menggabungkan

⁵ Ambrose Yao Chi King, *Zhongguo Xiandaihua yu Zhishi Fenzi* (Modernisasi China dan Intelektual), hlm 19.

unsur-unsur yang paling baik dalam kedua-dua sistem nilai budaya China dan Barat, agar menjadi suatu bentuk “sintesis yang operatif dan fungsional”.⁶

Li Dazhao turut memunculkan diri sebagai salah seorang pemimpin dalam Gerakan Kebudayaan Baru dan sebagai media perantaraan yang mengkoordinasikan peralihan dari Gerakan Kebudayaan Baru ke gerakan revolusi yang dilancarkan oleh parti komunis.

II

Pada 28 Oktober 1989, Jawatankuasa Pusat PKC telah mengadakan satu majlis peringatan ulang tahun kelahiran Li Dazhao yang keseratus di Beijing secara besar-besaran. Jiang Zemin, Setiausaha Agung PKC yang baru dilantik pada ketika itu telah mengirimi satu syarahan yang menyanjung tinggi sumbangan politik Li Dazhao, sebagai “pelopor Gerakan Komunisme China, seorang Marxis yang terulung, revolusionis proletariat yang berketrampilan, dan salah seorang pengasas utama PKC”.⁷

Sepuluh tahun kemudian, iaitu pada 29 Oktober 1999, Hu Jintao, yang selepas itu telah dipilih sebagai pemimpin tertinggi PKC dan Presiden Republik Rakyat China, selain menyifatkan Li Dazhao sebagai “pelopor Gerakan Komunisme China, seorang Marxis yang terulung, revolusionis proletariat yang berketrampilan, dan salah seorang pengasas utama PKC”, telah menekankan aspek semangat patriotisme, etika saintifik Marxisme,

⁶ Ambrose Yao Chi King, *Cong Chuantong dao Xiandai* (Dari Tradisional ke Modern), hlm 120-121.

⁷ Susanne Weigelin-Schwiedrzik, “What is wrong with Li Dazhao?” dalam Tony Saich dan Hans J. van de Ven (penyunting), *New Perspectives on the Chinese Communist Revolution* (Armonk, N. Y.: M. E. Sharpe, 1995), hlm 56.

pengaplikasian Marxisme ke atas situasi realiti China, dan kemuliaan semangat revolusioner golongan proletariat yang dimiliki oleh Li Dazhao.⁸

Dengan jelas, Li Dazhao merupakan salah seorang tokoh yang paling penting dalam penyebaran Marxisme dan perkembangan gerakan Komunisme di China. Dalam tempoh peralihan sejarah China dari zaman tradisional ke zaman moden, nilai-nilai tradisional telah menghadapi cabaran yang hebat daripada kecanggihan peradaban Barat. Penjelasan mengenai perbezaan dan hubungkait antara ilmu tradisional China dan ilmu moden Barat agar ia dapat diaplikasikan sebagai pedoman pemodenan China, telah menjadi persoalan pokok di kalangan intelektual China.⁹

Lantaran itu, pelbagai idea telah muncul, baik daripada renovasi pemikiran China ataupun adaptasi konsep baru, untuk menyahut seruan zaman yang semakin mencabar. Cubaan demi cubaan untuk mempromosikan modenisasi dengan idea-idea baru dilaksanakan. Keputusan yang diperoleh dalam proses modenisasi tersebut tidak patut dinafikan pencapaiannya secara bulat-bulat. Akan tetapi, kesilapan yang timbul dilihat sebagai terlalu banyak dan ganjaran yang dibayar dianggap terlalu mahal sepanjang proses modenisasi itu.¹⁰

Dalam tempoh peralihan tersebut yang rancak dengan kemunculan pelbagai idea baru, suatu mode pemikiran yang radikal telah mendominasi pemikiran orang China. Malahan, sejarah pemikiran orang China pada kurun kedua puluh dikatakan barangkali boleh diinterpretasi sebagai suatu proses radikalisasi yang pesat.¹¹ Proses radikalisasi tersebut, menurut Yü Ying-shih, adalah dikaitkan terus kepada marginalisasi China di dalam dunia moden dan marginalisasi golongan intelektual di masyarakat China.¹² Dalam pada itu, Li Dazhao tertarik hati dengan Marxisme, yang dilihat sebagai idea asing yang telah

⁸ Sila rujuk teks ucapan Hu Jintao di dalam "Seminar Penerbitan *Li Dazhao Wenji* (Koleksi Karya-karya Li Dazhao) serta Majlis Peringatan Ulang Tahun Kelahiran Komrad Li Dazhao yang Keseratus dan Sepuluh": <http://www.cycnet.com.cn/zuzhi/theory/leadertalk/hujintao/991030.htm>.

⁹ Yü Ying-shih (Yu Yingshi), *Zhongguo Jindai Sixiangshi shang de Hu Shi* (Hu Shi dalam Sejarah Intelektual Moden China) (Taipei: Lianjing Chuban Shiye Gongsi, 1994), hlm 10.

¹⁰ Ambrose Yao Chi King, *Zhongguo Xiandaihua yu Zhishi Fenzi* (Modenisasi China dan Intelektual), hlm 42.

¹¹ Ying-shih Yü, "The radicalization of China in the twentieth century," Tu Wei-ming (penyunting), *China in Transformation* (Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press, 1994), hlm 125.

¹² *Ibid.*, hlm 146.

menjanakan suatu radikalisme yang bersifat pemusnah, dalam arus anti-tradisionalisme Gerakan Empat Mei.

Pada pandangan Li Dazhao pula, Marxisme dilihatnya sebagai idea moden yang dapat menyelamatkan China daripada kancah kemunduran. Marxisme merupakan satu bentuk teori ilmu yang meletakkan liberalisasi umat manusia sebagai misi utamanya, justeru Li Dazhao turut melihat revolusi kebangsaan negara China sebagai satu bentuk revolusi yang mempunyai makna sejagat dalam erti kata yang sebenar, seperti Revolusi Perancis atau Revolusi Rusia yang menjadi sebahagian daripada siri revolusi dunia.

Li Dazhao telah melambangkan perantaraan di tengah-tengah generasi lama yang berorientasikan demokrasi, dengan intelektual berpendidikan Barat dalam era permulaan Gerakan Kebudayaan Baru, yang telah muncul sebagai Marxis pertama yang menjadi contoh teladan kepada pengikut-pengikut muda dalam gerakan Komunisme. Pemikiran Li Dazhao bukan sahaja dilihat sebagai peninggalan sumber inspirasi yang berharga bagi seluruh China di bawah Komunisme, tetapi sebenarnya, idea-idea beliau telah menjadi ilham kepada para reformis pada awal kurun kedua puluh, dalam memberi panduan untuk membebaskan China dari belenggu imperialisme asing dan membangunkan China sebagai sebuah negara moden.

Riwayat hidup Li Dazhao telah menjejaki kekalahan dalam peperangan Sino-Jepun 1894-1895, kegagalan Gerakan Reformasi 1898, serta pendudukan dan penindasan kuasa-kuasa imperialis Barat dan Jepun. Seperti intelektual-intelektual yang lain, semangat patriotik membara di dalam hati Li Dazhao setelah melihat kegagalan dan penghinaan yang menimpa China dengan mata kasar sendiri. Beliau mencatat dalam "Autobiografi dalam penjara" pada tahun 1927, menyatakan kesanggupannya untuk mendalami soal-soal politik memandangkan situasi negara yang payah bahaya, demi mencari resolusi yang baik untuk menyemarakkan semangat bangsa dan negara.¹³ Semangat nasionalistik tersebut dan mala petaka yang menimpa ke atas Li Dazhao dalam akhir hayatnya sekaligus meletakkan beliau

¹³ "Yu zhong zishu" (Autobiografi dalam penjara), *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 713-714.

pada suatu kedudukan yang sentiasa disanjung tinggi di dalam masyarakat China yang mengagung-agungkan nilai kewajaran dalam tingkah laku seseorang individu.

III

Li Dazhao merupakan seorang intelektual China moden yang telah banyak meninggalkan hasil penulisan buah fikirannya. Penulisan-penulisan Li Dazhao tersebut disiarkan di dalam majalah-majalah pada zamannya dan banyak pula dijilid dan diterbitkan semula dalam koleksi yang berbagai-bagai. Penulisan-penulisan yang diterbitkan semula itu telah banyak membantu dalam usaha penerokaan awal terhadap idea-idea pemikiran Li Dazhao.

Penyelidikan perpustakaan merupakan kaedah penyelidikan yang utama dalam mengkaji perkembangan intelektual dan peranan yang dimainkan oleh Li Dazhao di dalam proses modenisasi China. Analisis dibuat terutamanya berpandukan rujukan intensif yang dilakukan ke atas teks-teks rencana dan ucapan syarahan tersebut. Setakat ini, hasil-hasil penulisan Li Dazhao telah dikumpul dan dikemaskinikan di dalam satu koleksi lengkap, *Koleksi Lengkap Karya-karya Li Dazhao (Li Dazhao QuANJI - LDZQJ)*, suntingan bersama Institut Sains Sosial Provinsi Hebei dan Persatuan Kajian Li Dazhao Provinsi Hebei dengan diketuai oleh Zhu Wentong. Koleksi sebanyak empat jilid ini merupakan koleksi karya-karya Li Dazhao yang paling lengkap sehingga dewasa ini.¹⁴ Maka koleksi ini menjadi rujukan utama sebagai sumber primer yang paling penting dalam kajian ini.

¹⁴ Koleksi lengkap ini telah mengumpulkan 577 buah karya Li Dazhao, dengan 61 buah di antaranya merupakan penerbitan baru yang tidak pernah dimasukkan dalam terbitan yang sebelumnya. Sila rujuk "Chuban shuoming" (Penerangan penerbitan), *LDZQJ*, Jilid 1, hlm 2. Berkenaan dengan kelebihan koleksi ini sebagai suatu titik permulaan baru dalam kajian Li Dazhao, sila rujuk Guo Guiru, "Li Dazhao yanjiu de xin qidian" (Titik permulaan baru dalam kajian Li Dazhao), dalam laman web "Zhonghua Dushubao" (Majalah

Hasil-hasil penulisan oleh sarjana-sarjana semasa juga menjadi rujukan yang penting dalam penulisan disertasi ini. Hasil kajian Li Dazhao oleh Maurice Meisner yang berbentuk biografi, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism* tetap menjadi penerbitan yang paling berprestij dalam kajian Li Dazhao.¹⁵ Penulisan ini mengkaji evolusi intelektual Li Dazhao sebagai Marxis pertama China dan interpretasi Li terhadap idea-idea Marxisme untuk menjelaskan asal-usul Marxisme China. Tumpuannya adalah untuk menjelaskan hubungan di antara perkembangan awal dalam proses penyebaran dan pengadaptasian Marxisme di China (dengan mengambil Li Dazhao sebagai model kajian) dengan pelaksanaan strategi politik oleh para pemimpin PKC selepas tahun 1927 (yang diketuai oleh Mao Zedong).

Sementara itu, *Li Ta-chao and the Impact of Marxism on Modern Chinese Thinking* oleh Huang Sung-kang,¹⁶ juga telah mengkaji peranan Li Dazhao sebagai pemikir utama di sekitar tahun 1916-1927 dan penerimaan Marxisme oleh Li Dazhao sebagai suatu sumbangan besar ke atas kebangkitan Komunisme untuk berkuasa di China menerusi landasan radikalisme di dalam perkembangan sejarah China moden. *Pemikiran awal Li Dazhao dan China Moden (Li Dazhao Zaoqi Sixiang yu Jindai Zhongguo)* oleh Zhu Chengjia,¹⁷ telah menganalisa secara mendalam perkembangan pemikiran Li Dazhao sebelum menerima idea-idea Marxisme. *Biografi Li Dazhao (Li Dazhao Zhuan)* oleh Zhu Zhimin,¹⁸ pula memaparkan susur galur riwayat hidup Li Dazhao secara menyeluruh.

Di samping itu, hasil-hasil kajian berkenaan dengan sejarah intelektual China moden dan Komunisme China oleh para sarjana kontemporari telah menjadi rujukan penting dan

Pembaca Zhonghua) oleh Asia Library, University of Michigan: <http://asia.lib.umich.edu/main/book/book686.htm>. Sementara itu, terdapat satu lagi koleksi pilihan karya-karya Li Dazhao: Zhongguo Li Dazhao Yanjiuhui (Persatuan Kajian Li Dazhao China) (penyunting), *Li Dazhao Wenji (LDZIIJ - Koleksi Karya-karya Li Dazhao)* (Beijing: Beijing Renmin Chubanshe, 1999). Koleksi yang disusun dalam 5 jilid ini kaya dengan anotasi yang berguna untuk memahami konteks penulisan pada zaman tersebut, maka koleksi ini juga dijadikan rujukan dalam situasi yang memerlukan penerangan lanjut.

¹⁵ Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism* (Cambridge: Harvard University Press, 1967).

¹⁶ Huang Sung-kang, *Li Ta-chao and the Impact of Marxism on Modern Chinese Thinking* (The Hague {Paris}: Mouton & Co., 1965).

¹⁷ Zhu Chengjia, *Li Dazhao Zaoqi Sixiang yu Jindai Zhongguo* (Pemikiran Awal Li Dazhao dan China Moden) (Beijing: Beijing Renmin Chubanshe, 1999).

¹⁸ Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao) (Shandong: Shandong Renmin Chubanshe, 1998).

sumber inspirasi yang berguna di dalam kajian ini. Sementara itu, sumber-sumber asal berkenaan dengan penubuhan PKC yang dikumpulkan oleh pengkaji-pengkaji sejarah China, tidak kira sarjana yang berasal dari Barat mahupun oleh orang China sendiri telah memberi manfaat besar kepada penulisan disertasi ini.

Kajian-kajian utama yang dibincangkan di atas telah membekalkan maklumat dan analisis yang bernas, khususnya yang berkenaan dengan perkembangan intelektual Li Dazhao. Pada dasarnya, aspek penerimaan atau persediaan untuk menerima Marxisme oleh Li Dazhao telah menjadi tumpuan di dalam kajian-kajian di atas, yang rata-rata dijalankan sebelum *Koleksi Lengkap Karya-karya Li Dazhao* yang tersebut di atas diterbitkan.

Namun, perkembangan dan usaha awal Li Dazhao sebagai reformis yang mengikhtiarkan pembaharuan China pada awal penubuhan Republik China juga menjadi suatu aspek yang tidak harus diabaikan. Setakat kini, masih belum muncul kajian yang secara setara membincangkan perkembangan intelektual dan peranan Li Dazhao sebagai reformis dan Marxis China, di dalam kerangka sejarah modenisasi China.

Untuk mengisi kekosongan ini, disertasi ini pada asasnya berobjektif untuk mengkaji peranan dan sumbangan yang dicurahkan oleh Li Dazhao di dalam proses modenisasi China pada awal kurun kedua puluh. Pandangan di dalam kajian-kajian lepas akan dihalusi untuk mencapai suatu sintesis yang baru. Di dalam perubahan silih berganti yang kompleks itu, idea-idea Li Dazhao menerusi perkembangan landasan pemikirannya dan dukungan fahaman politiknya yang dianggap dapat menyelamatkan bangsa China dan membangunkan negara China harus ditinjau semula.

Fokus kajian ini ditujukan khas ke arah usaha Li Dazhao dalam memberikan inspirasi ke atas reformasi China dan pengadaptasiannya ke atas doktrin Marxisme. Kajian ini tidak dapat dipisahkan dengan penilaian ke atas usaha konkrit yang dilakukan oleh Li Dazhao dalam gerakan Komunisme China sebagai bukti retifikasi doktrin Marxisme di China, memandangkan penyebaran Marxisme dan perkembangan gerakan Komunisme telah

membentuk satu fenomena yang paling penting lagi bertahan lama dalam sejarah moden negara China. Dengan itu, peranan dan sumbangan Li Dazhao sebagai reformis dan Marxis China dinilai.

Dalam bab yang berikutnya, perbincangan ditujukan kepada permulaan riwayat hidup dan pengalaman pendidikan awal Li Dazhao yang telah memberi pengaruh yang mendalam terhadap pembentukan personalitinya. Di dalam huraian bab kedua tersebut, tumpuan khusus diberikan ke atas transformasi orientasi pendidikan Li Dazhao yang merentasi dari corak tradisional ke gaya moden, yang memang seiringan dengan perubahan sosio-politik zamannya. Turut cuba digalurkan di dalam bab ini tentang perkembangan-perkembangan penting semasa Li Dazhao melanjutkan pelajaran ke Jepun, untuk meninjau kesan yang diberikan oleh pengalaman penjelajahan tersebut ke atas pembentukan pemikirannya sebagai seorang intelektual yang berjiwa reformis.

Bab ketiga pula mengisahkan usaha awal Li Dazhao dalam memberi ilham baru kepada pemodenan China. Perkembangan politik pada era awal selepas pembentukan Republik China telah mempamerkan pelbagai masalah dan kebuntuan. Bab ini ingin memaparkan pertembungan awal Li Dazhao dengan beberapa tokoh sezamannya yang amat terkemuka, serta melihat pandangan Li Dazhao pada zaman mudanya sebagai seorang reformis apabila berdepan dengan masalah-masalah pembangunan politik, soal perlembagaan, perundangan dan kehakiman kebangsaan pada ketika itu.

Seterusnya dalam bab keempat, perbincangan difokuskan kepada perkembangan sejurus sebelum dan ketika Gerakan Empat Mei yang memaparkan susur-galur penganutan Marxisme oleh Li Dazhao sebagai jawapan kepada misi pemodenan China. Kemunculan Li Dazhao sebagai salah seorang tokoh reformis yang paling terkemuka di China pada dewasa itu membuka laluan untuk membuat pertimbangan dalam perubahan pemikiran masyarakat China yang drastik. Berpandukan perubahan yang drastik itu, proses terbentuknya Li Dazhao sebagai seorang Marxis China diteliti.

Bab kelima akan menyusuri usaha praktikal Li Dazhao yang seterusnya dalam pengasasan PKC dan Revolusi Nasional yang memperlihatkan peranannya dalam kerjasama di antara Parti Guomintang (GMD) dengan PKC. Hubungan Li Dazhao dan Sun Yat-sen ketika kerjasama GMD-PKC serta pandangan Li terhadap Sun yang sering kali diabaikan di dalam penulisan-penulisan sebelumnya turut dikaji. Dalam usaha penentangan kekuasaan *warlordism* dan imperialisme asing tersebut, perhatian terus diberikan ke atas perjuangan tahun-tahun akhir Li Dazhao untuk menyumbang tenaga kepada modenisasi China sehingga saat-saat akhir hayatnya.

Disertasi ini cuba memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai idea-idea pemikiran Li Dazhao dan peranan serta pengaruhnya dalam proses modenisasi China pada awal kurun keduapuluh. Adalah menarik untuk melihat perubahan yang drastik serta impaknya, bukan sahaja yang terjadi pada pegangan ideologi peribadi Li Dazhao sendiri, tetapi juga kepada sistem sosio-politik yang telah mengubah nasib China moden. Bab keenam, iaitu bab terakhir merupakan kesimpulan yang dirumuskan daripada pembacaan dan kajian yang dibuat dalam proses penulisan disertasi ini. Menerusi huraian mengenai personalitinya, kesejatan hasrat Li Dazhao dalam membawa reformasi kepada masyarakat China, dan seterusnya mengadaptasi Marxisme yang cuba disesuaikan dengan situasi sebenar di China diberi tinjauan yang khusus.